Bid'ah-Bid'ah Tentang Surah Yasin

Oleh:

Ust.Abu Farouq Rasul Bin Dahri

www.rasuldahri.com

012-7713635
019-77836307
07-3353635 (Rumah)
07-3345204 (Pejabat)

بســـم الله الرحمن الرحيم

إِنَّ الْحَمْدَ لله ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِالله مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُـسِنَا وَمِـنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

{يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} .

{يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِى خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءًا وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالاَرْحَامَ اِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} .

{يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُـمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا}

اَمَّا بَعْدُ : فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَاَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الاُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُـلَّ بِدْعَـةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ.

15/03/09

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan:

Bolehkah ustaz jelaskan dengan hujah atau dalil-dalil dari syarak tentang bid'ah-bid'ah yang berkaitan dengan:

Pertama: Fadilat membaca surah Yasin?

Kedua: Membaca untuk orang mati atau menghadiahkan pahalanya kepada orang mati atau nazak?

Ketiga: Membaca setiap malam terutamanya dimalam Jumaat?

Keempat: Membaca Yasin untuk kenduri secara umum?

Kelima: Memberi upah wang atau makanan kepada mereka yang membaca Yasin.

Tolong jelaskan dengan dalil-dalil dari al-Quran dan hadis-hadis sahih. Terima kasih.

Jawapan:

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Bismillah, wal-hamdulillah, was-salatu was-salamu 'ala Rasulillah. Amma ba'du:

Surah Yasin termasuk surah-surah al-Quran yang telah disediakan pahala dan rahmah untuk sesiapa sahaja dari orang-orang Islam yang membacanya. Tetapi membacakan surah Yasin untuk orang mati atau orang yang nazak (sekaratul maut) atau diambang maut adalah perbuatan yang bertentangan dengan syarak. Adapun dalil-dalil yang memerintahkan agar membaca surah yasin untuk orang mati atau nazak adalah hadis-hadis yang lemah, palsu dan ada yang mungkar.

Oleh yang demikian, membaca surah Yasin untuk mengambil fadilat-fadilatnya dan mendapatkan kelebihan-kelebihan yang khusus yang tiada dalilnya yang sahih dari syarak, seperti membaca untuk orang mati, orang nazak atau sebagainya, maka semuanya itu adalah perbuatan yang bid'ah.

Sebagai jawapan berserta dalil-dalil untuk kesemua soalan-soalan di atas, maka ikutilah isi kandungan kertas kerja ini yang dimuatkan dengan hujah-hujah berdasarkan hukum syarak. Semoga para pelajar mendapat ilmu yang bermanfaat dari jawapan yang tertera ditulisan ringkas ini. Dan mudah-mudahan dengan rahmat Allah kita semua sentiasa dirahmati dan dilindungi oleh Allah *'Azza wa-Jalla.*

Jawapan Soalan Pertama

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa semua hadis-hadis tentang fadilat membaca surah Yasin adalah hadis-hadis yang lemah, palsu atau mungkar. Antara hadis-hadis tersebut ialah:

(1). مَنْ قَرَأَ يَس مَرَّةً فَكَأَنَّمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ مَرَّتَيْنِ.

(1). "Barangsiapa membaca Yasin sekali sahaja, maka seolah-olah dia telah membaca al-Quran sebanyak dua kali".[1]

Hadis ini dijelaskan sebagai hadis palsu oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* di dalam "Silsilah Ahadis Dhaifah" (No.4636) dan di dalam *"Dhaif Jami as-Saghir"* (No. 5789).

(2). عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَس قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا ، وَإِنَّ قَلْبَ الْقُرْآنِ يَس ، مَنْ قَرَأَهَا فَكَأَنَّمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ عَشَرَ مَرَّاتٍ.

(2). "Dari Qatadah dari Anas, ia berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam telah bersabda: Sesungguhnya bagi segala sesuatu itu ada hatinya, sesungguhnya hati al-Quran itu adalah surah Yasin. Barangsiapa yang membacanya maka sama dengan sepuluh kali membaca al-Quran".[2]

Hadis ini hadis lemah. Imam at-Tirmizi menyatakan bahawa pada sanad hadis ini ada rawi yang bernama **Harun Abu Muhammad**, dia adalah majhul (tidak diketahui).[3] Imam

---

[1]. H/R al-Baihaqi di dalam kitab "Syu'abul Iman".

[2]. H/R Tirmizi dan ad-Darimi (2/146).

[3]. Lihat: Mizanul I'tidal. 5/288. No 9178.

Tirmizi juga menyatakan bahawa hadis ini gharib dan **Harun Abu Muhammad** adalah majhul.[4]

(3). عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بِنْ مَالِكٍ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبٌ وَإِنَّ قَلْبَ الْقُرْآنِ يَس مَنْ قَرَأَهَا كَتَبَ اللهُ بِقِرَاءَتِهَا قِرَاءَ الْقُرْآنِ عَشَرَ مَرَّاتٍ.

(3). "Dari Qatadah dari Anas bin Malik, ia berkata: Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Bagi segala sesuatu itu ada hatinya dan hati al-Quran itu Yasin. Barangsiapa yang membacanya Allah telah menetapkan dengan bacaannya itu sepuluh kali bacaan".[5]

Hadis ini adalah hadis palsu kerana perawinya Harun **bin Muhammad** adalah majhul. Di hadis yang pertama di atas ditulis dengan nama **Harun Abu Muhammad.** Nama-nama ini tidak tercatit sebagai anak murid **Muqatil bin Hayyan** dan tidak pula tercatit sebagai guru **al-Hasan bin Soleh** sedangkan dari jalur perawinya terdapat dua nama iaitu dari **Muqatil bin Hayyan** dari **Harun bin Muhammad** dari **Hasan bin Soleh**.

Dengan ini hadis ini adalah hadis yang lemah kerana **Harun bin Muhammad** adalah majhul. Dan dinyatakan palsu oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* dalam Silsilah Ahadis Dhaifah (No.169) dan dalam Dhaif Jamik as-Sahih (1935).

(4). عَنْ أَبِيْ قِلاَبَةَ قَالَ :قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ يَس فَكَأَنَّمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ أَحَدَ عَشَرَ مَرَّةً.

(4). "Dari Abi Qalabah, dia berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Barangsiapa

[4]. Lihat: at-Tarikhul Kabir. No 2815.

[5]. H/R al-Baihaqi, ad-Darimi dan at-Tirmizi.

membaca Yasin, maka sama dengan membaca al-Quran sebelas kali".[6]

Hadis ini lemah kerana pada sanadnya ada seorang perawi bernama **Khalil bin Murrah ad-Duba'i bin al-Basyri**. Dinyatakan oleh Imam al-Bukhari sebagai mungkarul hadis dan hadisnya tidak sahih. Hadis ini adalah hadis mauquf hanya sampai kepada Abu Qilabah.[7]

(5). عَنْ مَعْقِلِ بْنُ يَسَارٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اَلْبَقَرَةُ سَنَامُ الْقُرْآنِ وَذِرْوَتُهُ ، نَزَلَ مَعَ كُلِّ آيَةٍ مِنْهَا ثَمَانُوْنَ مَلَكًا ، إِخْتَرَجَت اللهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ مِنْ تَحْتِ الْعَرْشِ فَوَصَلَتْ بِهَا أَوْ فَوَصَلَتْ بِسُوْرَةِ الْبَقَرَةِ وَيَس قَلْبَ الْقُرْآنِ لاَ يَقْرَأُهَا رَجُلٌ يُرِيْدُ اللهَ والدَّارَ الْآخِرَةَ إِلاَّ غُفِرَ لَهُ فَاقْرَأُوْهَا عَلَى مَوْتَاكُمْ.

(5). "Dari Ma'qil bin Yasari, sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Surah al-Baqarah adalah inti serta puncaknya al-Quran. Lapan puluh malaikat turun menyertai setiap ayat, maka keluarlah kalimah (اللهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ) *dari bawah Arasy. Maka tercapailah dengan surah al-Baqarah dan Yasin Qalbu al-Quran. Seseorang yang membacanya dengan mengharapkan reda Allah dan negeri akhirat, pasti akan diampunkan (dosanya). Maka bacakanlah oleh kamu kepada yang sedang menghadapi kematian (sakaratul maut)".*

Hadis ini lemah. Terdapat pada sanadnya perawi yang majhul bernama **Sulaiman** bapanya **Mu'amar**, nama penuhnya

---

[6]. H/R Al-Baihaqi dalam Syu'abul Iman. 2/481.

[7]. Lihat: Tahzibul Kamal fi Asmail Rijal. 7/344. Al-Hafiz al-Mizzi.

Sulaiman bin Tarkhan at-Taimi Abdulmu'tamir al-Bisiri. Di dinyatakan sebagai seorang mudallis[8] terhadap hadis-hadis yang tidak didengarnya dari al-Hasan dan lainnya.[9]

(6). عَنْ عَبْدِ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ قَالَ : سَمِعْتُ رَجُلاً يُحَدِّثُ أَنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا ، وَقَلْبُ الْقُرْآنِ يَس .

(6). "Dari Abdurrazak dari Ma'mar, ia berkata: Aku mendengar seorang lelaki menceritakan sesungguhnya bagi segala sesuatu ada hatinya dan hati al-Quran adalah Yasin".

Hadis ini lemah, kerana **Ma'mar** mendengar dari seorang lelaki yang majhul yang tidak dinyatakan namanya.

(7). إِقْرَأُوْا عَلَى مَوْتَاكُمْ يَس.

(7). "Bacalah oleh kamu Yasin atas orang yang mati antara kamu".[10]

Hadis ini dinyatakan oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* sebagai hadis yang lemah.[11] Darjat hadis lemah dan ma'lul (berpenyakit).

Sanad hadis ini pula mudtharib dan terdapat perawinya yang majhul. Oleh itu hadis ini tidak boleh dijadikah hujah

---

[8]. Mudallas: Isim maf'ul. Bermaksud yang disembunyikan, disamarkan atau digelapkan. Mudallis: Orang yang meyembunyikan atau menggelapkan nama seseorang yang berkata seolah-olah ia mendengar dari orang yang memperkatakannya tetapi sebaliknya.

[9]. Lihat: Tahzibul Kamal (12/13). Dan Mizanul I'tidal (2/212). Az-Zahabi. Tahqiq al-Bujawi.

[10]. H/R Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan al-Hakim

[11]. Lihat: al-Misykah. No. 1622. Irwaul Ghalil No. 688 dan dalam Dhaif Jami' as-Saghir No. 1072.

untuk membacakan surah Yasin kepada orang mati atau orang yang nazak.

(8). عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ سَمِعَ سُوْرَةَ يَس عَدَلَتْ لَهُ عِشْرِيْنَ دِيْنَارًا فِى سَبِيْلِ اللهِ ، وَمَنْ قَرَأَهَا عَدَلَتْ لَهُ عِشْرِيْنَ حُجَّةً ، وَمَنْ كَتَبَهَا وَشَرِبَهَا أَدْخَلَتْ جَوْفَهُ أَلْفَ يَقِيْنٍ وَأَلْفَ نُوْرٍ وَأَلْفَ بَرَكَةٍ وَأَلْفَ رَحْمَةٍ وَأَلْفَ رِزْقٍ وَنَزَعَتْ مِنْهُ كُلَّ غِلٍّ وَدَاءٍ.

(8). "Dari Ali radiallahu 'anhu, beliau berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Barangsiapa mendengar Yasin maka diberikan pahala sama dengan mengeluarkan dua puluh dinar fi sabilillah. Barangsiapa yang membacanya maka sama seperti dua puluh kali mengerjakan haji. Barangsiapa yang menulis serta meminumnya maka akan dimasukkan ke dalam jiwanya seribu keyakinan, seribu cahaya, seribu berkah, seribu rezeki dan dihilangkan seluruh dengki dan penyakit jiwanya".[12]

Ibnu Adi menyatakan bahawa hadis ini adalah hadis palsu. Menurut beliau bahawa dalam rawinya ada seorang yang bernama **Ahmad bin Harun**, dia seorang pemalsu hadis, pembohong (كذاب) dan ditinggalkan (متروك).[13]

(9). عَنْ أَبِيْ جَعْفَرٍ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ قَالَ : مَنْ وَجَدَ فِى قَلْبِهِ قَسْوَةً فَلْيَكْتُبْ يَس وَالْقُرْآنِ الْحَكِيْمِ فِي جَامٍ بِزَعْفَرَانَ ثُمَّ يَشْرَبُهُ.

---

[12]. H/R Al-Khatib al-Baghdadi dalam Al-kifayah fil Ilmid Dirayah.

[13]. Lihat: Al-Fawaidul Majmu'ah Fi Ahadis Maudu'ah. hlm. 300. Asy-Syaukani.

(9). "Dari Abu Ja'far Muhammad bin Ali, ia berkata: Barangsiapa yang mendapati di hatinya kekerasan, maka tulislah (Yasin wal-Quranul Hakim) disuatu bekas dengan air za'faran (kunyit) kemudian (hendaklah) diminumnya".

Hadis ini adalah hadis palsu kerana dalam rawinya **Muhammad bin Marwan** dia adalah majhul. Dan **Amr bin al-Mubarak** dinyatakan oleh Ibnu Ma'in sebagai tidak siqah dan tidak amanah. An-Nasaii menyatakan: Matrukul Hadis.[14] Ibnu Adi menyatakan: **Al-Hasan bin al-Husin al-'Urani** pula seorang pemimpin Syiah. Hadisnya tidak siqah.[15]

---

[14]. Lihat: Tahzibul Kamal fi Asamail Rijal. (558). Al-Mizzi.

[15]. Lihat: Lisanul Mizan (11/199). Ibnu Hajar al-Asqalani.

Jawapan Soalan Kedua

Membaca untuk orang mati atau menghadiahkan pahalanya kepada orang mati.

Hadis-hadis yang memperkatakan tentang membaca Yasin kepada orang yang nazak, orang mati atau menghadiahkan pahalanya kepada orang mati ialah:

(**10**). مِنْ طَرِيْقِ مِرْوَانَ بْنِ سَالِمٍ عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَمْرٍو عَنْ شَيْخٍ عَنْ أَبِيْ الدَّرْدَاءِ وَأَبِيْ ذَرٍّ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ مَيِّتٍ فَيُقْرَأُ عِنْدَهُ يس إِلاَّ هَوَّنَ اللهُ عَلَيْهِ.

(10). "Dari jalan Marwan bin Salim dari Safwan bin Amr, dari seorang syeikh, dari Abu Darda, dari Abu Zar, ia berkata: Telah bersabda Rasulullah sallalahu 'alaihi wa-sallam: Tiadalah seseorangpun yang akan menghadapi kematian kemudian dibacakan di sisinya surah Yasin melainkan pasti Allah akan meringankan (kematiannya dan siksa kubur)" [16]

Hadis ini adalah hadis palsu. Di dalam sanadnya terdapat perawi yang *matruk* bernama **Marwan bin Salim**. Dijelaskan oleh Imam bahawa Marwan bin Salim seorang rawi yang daif dan tidak siqah. Menurut Abu Urubah al-Harrani bahawa Marwan bin Salim suka memalsukan hadis sebagaimana yang dijelaskan oleh as-Saaji. Imam al-Bukhari dan Muslim menyatakan bahawa Mungkarul hadis.[17]

(**11**). مَا مِنْ مَيِّتٍ يُقْرَأُ عِنْدَ رَأْسِهِ (يَس) إِلاَّ هَوَّنَ اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ.

---

[16]. H/R Abu Syaikh. Ad-Dailami dalam "*Musnad al-Firdaus*". Dari Abu Darda oleh Abu Nu'aim dalam "*Akhbar Asbahana*" (1/188).

[17]. Lihat Tahzibul Kamal. 393-394.

(11). "Tidaklah seseorang mayat yang dibacakan di kepalanya surah Yasin kecuali Allah Ta'ala akan memberi keringanan kepadanya".

Menurut Syeikh al-Albani *rahimahullah*: Dalam sanad hadis ini terdapat orang yang suka memalsukan hadis (sanadnya lemah). Hadis ini diriwayatkan dari tabi'in secara mauquf. Lihat: Silsilah al-Hadis ad-Dhaifah (5219). Menurut Imam Malik pula bahawa membaca surah Yasin di samping orang yang hampir mati (sekaratal-maut) bukan hal yang dianjurkan dan hukumnya makruh.[18]

(12). مَنْ قَرَأَ يَس ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللهِ غَفَرَ اللهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ ، فَاقْرَؤُوْهَا عِنْدَ مَوْتَاكُمْ.

(12). "Barangsiapa membaca surah Yasin demi mengharap wajah Allah, nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Bacakanlah Yasin di sisi mayat-mayat kamu".[19]

Hadis ini lemah. Dinyatakan sebagai hadis yang lemah oleh al-Albani.[20]

---

18 . Lihat: Al-Ayat al-Bayinat Fi Adami Sama'i al-Amwat. Fasal. 2. Takhrij Mohd Nasiruddin al-Albani.

19 . H/R al-Baihaqi dalam kitab Syu'abul Iman.

20 . Lihat: Dalam al-Misykah. No. 2178. Dan dalam Dhaif Jami' as-Saghir. No. 5785.

Jawapan Soalan Ketiga

Membaca surah Yasin disetiap malam terutamanya dimalam Jumaat.

(13). عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ يس كُلَّ لَيْلَةٍ غُفِرَ لَهُ.

(13). "Dari Abi Hurairah radiallahu 'anhu, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Barangsiapa membaca Yasin setiap malam nescaya diampunkan dosanya".[21]

Hadis ini dinyatakan oleh imam al-Baihaqi di dalam Syu'bul Iman. Dan didhaifkan oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* di dalam Dhaif Jamik as-Saghir. (No. 5788) dan Raudahun Nadhir. (No. 1147). An-Nasaii melemahkan hadis ini di dalam Tahzibul Kamal (No. 329-220).

(14). عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ يس كُلَّ لَيْلَةٍ ثُمَّ مَاتَ ، مَاتَ شَهِيْدًا.

(14). "Dari Anas bin Malik radiallahu 'anhu, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Barangsiapa yang membiasakan diri membaca Yasin setiap malam, kemudian dia meninggal, maka ia mati dalam keadaan mati syahid".[22]

Hadis ini adalah hadis palsu. Perawi hadis ini memalsukan hadis di atas dengan menyatakan hadis oleh Ibnu Hibban (disandarkan kepada Ibnu Hibban). Dalam sanadnya

---

21 . H/R al-Baihaqi dalam Syu'bul Iman. Tahqiq Abu Hajir Muhammad as-Sa'id bin Basyuni Zaqlul.

22 . H/R Tabrani dan Ibnu Hibban.

terdapat Said bin Musa al-Azdi al-Himsa.[23] Hadis ini disebut sebagai hadis palsu oleh Ibnu Hibban[24] dan sengaja disandarkan kepada beliau.

(15). مَنْ قَرَأَ فِي لَيْلَةِ الْجُمْعَةِ غُفِرَ لَهُ.

(15). "Barangsiapa membaca Yasin pada malam Jumaat maka diampunkan dosa-dosanya".

Darjat hadis ini adalah palsu. Pada sanadnya terdapat seeorang yang bernama **Aghlab bin Tamim**. Dia adalah perawi yang banyak meriwayatkan hadis-hadis mungkar dan palsu. Hadis ini didhaifkan oleh Syeikh al-Albani *rahimahullah* dalam Silsilah Ahadis Dhaifah. (No. 5111).

(16). عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عنهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرَأَ يَس فِي لَيْلَةٍ أَصْبَحَ مَغْفُوْرًا لَهُ.

(16). "Dari Abdullah bin Masoud radiallahu 'anhu, beliau berkata: telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Barangsiapa membaca Yasin pada malam harinya, maka akan diampunkan dosa-dosanya dipagi harinya".

Menurut Ibnu Hibban bahawa hadis ini adalah hadis palsu. Pada sanadnya terdapat perawi bernama **Muhammad bin Zakariya**. Dia adalah seorang perawi hadis-hadis palsu.

Hadis ini dilemahkan oleh Syeikh al-Albani di dalam Dhaif Jamik as-Saghir. (No. 5787). Dan juga dalam ar-Raudahun Nadhir (11/510).

---

[23]. Lihat: Ar-Raudud Dani Ila Mu'jamus Saghir. 11/191 no. 1010. Tahqiq Oleh Muhammad Syukur Mahmud Amir.

[24]. Lihat: Mizanul I'tidal 2/159 no. 3280.

Jawapan Soalan Keempat

Membaca Yasin untuk kenduri secara umum.

Kebiasaannya orang yang membuat kenduri seperti kenduri kesyukuran, kenduri doa selamat, kenduri untuk meminta sesuatu hajat, kenduri kerana telah dikabulkan permintaan atau keperluannya. Maka ada antara mereka mengutamakan surah Yasin kerana berpandukan kepada hadis-hadis tentang fadilat Yasin sebagai alasan untuk melakukannya, sedangkan hadis-hadis tersebut adalah hadis palsu. Antaranya ialah hadis:

(17). عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَّاحٍ قَالَ : بَلَغَنِي أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ قَرَأَ يَس فِي صَدْرِ النَّهَارِ قُضِيَتْ حَوَائِجُهُ.

(17). "Dari Ata' bin Abi Rabah ia berkata: Telah sampai kepadaku bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Barangsiapa membaca Yasin pada siang hari, maka dipenuhi segala keperluannya".

Hadis ini adalah hadis lemah kerana pada sandanya terdapat seorang yang bernama **al-Walid bin Syujak** yang dilemahkan oleh Ibnu Ma'in dan berkata: Walid bin Syujak tidak punya bahagian (dalam hadis).

Berkata Ibnu Abu Hatim: Walid bin Syujak tercatit hadisnya yang tidak boleh dijadikan hujah. Beliau dilemahkan oleh ahli hadis.

Begitu juga Ata' adalah salah seorang dari tabi'in, ia tidak menjelaskan siapa perantara sampainya hadis ini kepadanya.

(18). عَنِ الصَّلْتِ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيْقَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ كَتَبَهَا ثُمَّ شَرِبَهَا أَدْخَلَتْ جَوْفَهُ أَلْفَ دَوَاءٍ وَأَلْفَ نُوْرٍ وَأَلْفَ يَقِيْنٍ وَأَلْفَ بَرَكَةٍ وَأَلْفَ رَحْمَةٍ وَنَزَعَتْ عَنْهُ كُلَّ غِلٍّ.

(18). "Dari as-Salti, sesungguhnya Abu Bakr as-Sidiq berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Barangsiapa menulis dan meminum air Yasin, maka akan dimasukkan ke dalam dadanya seribu macam ubat, seribu cahaya, seribu keyakinan, seribu berkah, seribu rahmat dan akan dikeluarkan daripadanya setiap kedengkian dan penyakit".[25]

Hadis ini terlalu lemah kerana ada pada sanadnya rawi:

1. **Sulaiman bin Mirqa** yang dinyatakan sebagai mungkarul hadis oleh al'Uqaili dan
2. **Muhammad bin Abdirrahman** dinyatakan sebagai mungkarul hadis oleh Imam al-Bukhari[26] dan dinyatakan matrukul hadis oleh Imam an-Nasaii.[27]

---

[25]. H/R Baihaqi.

[26]. Lihat: At-Tarikhul Kabir.

[27]. Lihat: Sunan An-Nasaii.

Jawapan Soalan Kelima

Memberi upah wang atau makanan kepada yang membaca Yasin?

Memberi upah wang, makanan atau apa sahaja kepada seseorang yang membaca al-Quran, membaca satu surah atau satu ayat seperti surah Yasin adalah perbuatan bid'ah yang dilarang oleh syarak. Perkara ini telah dijelaskan oleh para imam Salaf as-Soleh. Berkata Imam al-Barkawi:

قَالَ اْلإِمَامُ الْبَرْكَوِي فِى أُمُوْرٍ مُبْتَدِعَةٍ وَبَاطِلَةٍ وَمِنْهَا : وَبِإِعْطَاءِ دَرَاهِمِ لِمَنْ يَتْلُو الْقُرْآنَ لِرُوْحِ الْمَيِّتِ ..... وَكُلُّهَا بِدعٌ مُنْكَرَةٌ بَاطِلَة ، وَالْمَأْخُوْذُ مِنْهَا حَرَامٌ لِلآخِذِ ، وَهُوَ عَاص بِالتِّلاَوَةِ وَالذِّكْرِ لأَجْلِ الدُّنْيَا.

"Telah berkata al-Imam al-Barkawi pada perkara yang dianggap bid'ah dan kebatilan, antaranya ialah: Memberi upah wang dirham kepada sesiapa membaca al-Quran untuk si Mati.... Semuanya itu adalah bid'ah yang mungkar dan kebatilan. Mengambil upah dari bacaan itu, haram yang mengambil. Dia berbuat maksiat dengan membaca al-Quran tersebut begitu juga bagi yang membaca kerana (mencari kepentingan) dunia".[28]

Imam as-Syafie *rahimahullah* menjelaskan:

وَلِهَذَا لَمْ يَنْدُبْ إِلَيْهِ رَسُوْلُ اللهِ أُمَّتَهُ وَلاَ حَثَّهُمْ عَلَيْهِ وَلاَ أَرْشَدَهُمْ إِلَيْهِ بِنَصٍّ وَلاَ إِيْمَاءٍ وَلَمْ يُنْقَلْ ذَلِكَ عَنْ أَحَدٍ مِنَ الصَّحَابَةِ وَلَوْكَانَ

---

[28]. Lihat: at-Tariqatul Muhammadiyah. Fasal yang ketiga.

خَيْرًا لَسَبَقُوْنَ إِلَيْهِ ، وَبَابُ الْقُرُبَاتِ يَقْتَصِرُ فِيْهِ عَلَى النُّصُوْصِ وَلاَ يُتَصَرَّفُ فِيْهِ بِأَنْوَاعِ الأَقْيِسَةِ وَالأَرَاءِ.

"Oleh kerana itu Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tidak pernah menganjurkan umatnya untuk mengamalkan (pengiriman pahala bacaan al-Quran untuk si Mati) dan tidak pernah memberikan petunjuk, sama ada melalui satu nas ataupun dengan isyarat. Dan tidak ada seorang sahabat pun yang pernah mengamalkan perbuatan tersebut (membaca al-Quran untuk si Mati). Maka jika sekiranya amalan tersebut baik, sudah pasti mereka (para sahabat) telah terlebih dahulu mengerjakannya, padahal amalan mendekatkan diri kepada Allah hanya terbatas pada nas-nasnya dari (al-Quran dan as-Sunnah) dan tidak boleh dipalingkan dengan qias-qias dan pendapat-pendapat (seseorang)".[29]

Suatu amalan yang tidak pernah diperintahkan, diucapkan atau dicontohkan oleh Rasulullah kemudian sengaja diagada-adakannya pasti terkena dengan hadis berikut:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

"Barangsiapa yang berbuat pembohongan (dusta) atas (namaku), maka bersiap sedialah tempat duduknya dari api neraka". ***Hadis Mutawatir.***

---

[29]. Lihat: Tafsir Ibn Kathir dalam menafsirkan ayat 39 surah an-Najm.

SENARAI KULIAH-KULIAH UST RASUL DAHRI (SINGAPURA)

HARI	MASA	KAWASAN	ALAMAT	TALIPON
JUMAAT	9 – 1100 MLM	TAMPINES	BLK 824 #02-14, TAMPINES ST 91,	SDR. RAHMAD (HP 96371164)
RABU	9 – 1100 MLM	TOH GUAN	BLK 279 #15-201, TOH GUAN RD,	SDR. JABAR (HP 97705468)
KHAMIS	9 – 1100 MLM	EUNOS	NO .84, JALAN EUNOS	SDR. IDRIS (H/P 94354695)
SELASA	9 – 1100 MLM	JURONG	BLK 934 #03-314, JURONG WEST ST 91,	SDR. SA'ADON (TEL 68628435)
SABTU	9 – 1100 MLM	WOODLANDS	PENDIDIKAN ASAS DARU ASHOMIDDIN WOODLANDS POINT, #03-01	SDR. SUPAAT (H/P 92328941)

Terbuka kapada sesiapa yang ingin mengikuti pengajian berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah yang bermanhaj 'SALAF'

rasuldahri.com

rasuldahri.com

mengajak manusia mengamalkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan pemahaman salaful ummah

pelancaran **webTV**

ENAM saluran *bakal menemui ANDA*

Ikutilah Siri Kajian ImamSyafie Secara Langsung

Kami sedang berusaha menyediakan infrastruktur supaya Kajian ImamSyafie dapat diikuti melalui internet. Rakan-rakan kita di mana sahaja, bahkan di seluruh dunia kini boleh mengikuti kuliah, berdiskusi dan menanyakan kemusykilan secara langsung.

Siri Kajian ImamSyafie melalui Paltalk yang dilancarkan sejak bulan Mac 2007 mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada sahabat kita yang sedang berada di luar Negeri terutamanya Korea, Jepun, Indonesia, Perancis, dan Brunei.

Untuk peringkat selanjutnya, kami sedang berusaha menyediakan webTV berisi siri rakaman kuliah dan pada masa akan datang menayangkan webTV kajian secara langsung. Mudah-mudahan usaha ini mendapat pertolongan dari Allah, Amin.

Siri Kajian ImamSyafie secara langsung boleh diikuti menggunakan PALTALK MESSENGER

CARA MEMASANG PALTALK

1. Sila download dan install paltalk dari www.paltalk.com
2. Sekiranya anda belum pernah mendaftar sila klik New user? Start Here di laman www.paltalk.com
3. Sila login ke Paltalk Messenger
   Klik {*Join a Chat Room*} dari menu {*Actions*}.
   Apabila {*Rooms List*} terbuka:
4. Pilih {*Religion and Theology*}
5. Pilih {*Islam*}
6. Pilih {*Kajian ImamSyafie*}

JADUAL KAJIAN BOLEH DIRUJUK DI WWW.RASULDAHRI.COM

webTV

Kini mencecah 30,000 pelawat, dan dijangka mencapai 500,000 setahun

www.rasuldahri.com

Jika anda tidak dapat melihat video, sila download dan install pemain video sopcast dari www.sopcast.com

Kami berusaha melayani kesulitan anda, sila hubungi: admin@rasuldahri.com